

Alkitab untuk Anak-anak  
memperkenalkan

Samuel, Anak  
Tuhan - Pelayan



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest; Alastair Paterson

Disadur oleh: Lyn Doerksen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)


©2021 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.




Hanna merupakan seorang wanita yang baik, dia telah berkahwin dengan Elkana, seorang lelaki yang baik. Mereka berdua

memuji Tuhan dan menunjukkan kebaikannya kepada orang lain.



Tetapi ada sesuatu yang kurang dalam hidup Hanna. Dia menginginkan seorang bayi. Oh! Betapa kuat keinginannya! Dia



berdoa sambil menunggu. Perkara ini berlaku selama bertahun-tahun. Tetapi masih tidak ada bayi lagi!





Setiap tahun,  
Hanna pergi  
berdoa di  
Rumah Tuhan.  
Pada satu tahun  
dia membuat  
satu perjanjian  
kepada Tuhan.





Jika Tuhan  
memberi  
seorang anak  
kepadanya,  
Hanna akan  
menyerahkan  
anaknyanya sebagai  
pelayan Tuhan  
seumur hidupnya.



Imam Eli yang sudah tua melihat Hanna berdoa.



Dia menyangka  
Hanna mabuk  
kerana bibirnya  
bergerak-gerak  
tetapi tidak ada  
suara yang  
terdengar.  
Eli pun  
memarahi  
Hanna!







Tetapi Hanna berkata kepada Eli tentang doanya meminta seorang anak dan janjinya kepada Tuhan. "Pergilah dengan aman," Eli menjawab.






"Dan Allah Israel akan memberi kepadamu apa yang anda minta daripadanya." Kata-kata Eli memberi harapan kepada Hanna.




Dengan segera sukacita memenuhi hati Hanna. "Tuhan ingat kepadanya" dan menjawab doanya. Dia dan Elkana mempunyai seorang bayi lelaki yang diberi nama Samuel (yang bererti "Didengari Allah")




Tetapi ingatkah Hanna akan janjinya kepada Tuhan?





Hanna berhenti datang ke Rumah Tuhan seperti yang biasa dilakukannya setiap tahun. Oh sayang! Adakah dia melupakan janjinya kepada Tuhan?





Tidak, Hanna hanya menunggu sehingga Samuel cukup besar untuk tinggal di Rumah Tuhan untuk melayani Tuhan. Kemudian dia membawa Samuel ke Rumah Tuhan.



Tuhan menghargai iman Hanna yang sangat besar.

Selepas Samuel, Tuhan memberkati Hanna dan memberi kepadanya tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan.





Setiap tahun  
Hanna pergi  
ke Rumah  
Tuhan untuk  
memuji Tuhan  
dan membawa  
jubah baru  
yang dibuatnya  
sendiri untuk  
Samuel.





Samuel bukan sahaja pembantu Eli. Anak-anak Eli, Hofni dan Pinehas, juga bekerja di sana. Tetapi

mereka tidak menghormati Tuhan dengan melakukan perkara-perkara jahat,

...





... dan tidak berubah meskipun Eli menasihati mereka. Eli seharusnya memecat mereka dari pekerjaan mereka di Rumah Tuhan.





Pada suatu malam, Samuel mendengar satu suara memanggilnya. Dia berfikir mungkin Eli yang memanggilnya.





"Ya, bapa," dia menjawab. "Saya tidak memanggil anda," Eli menjawab. Hal ini berlaku sehingga tiga kali. Kemudian Eli tahu bahawa Tuhan ingin berbicara kepada Samuel.





Eli berkata kepada Samuel, Apabila Ia memanggil engkau, katakan: Berbicaralah TUHAN, sebab hambamu ini mendengar."






Dan Tuhan memanggilnya lagi, dan memberikan satu pesanan penting kepada Samuel.



Pada keesokan hari Eli memanggil Samuel. "Apakah yang disampaikanNya kepadamu?" dia bertanya. Samuel menceritakan segala-galanya kepada imam Eli.



Ini adalah pesanan yang sangat mengerikan - Tuhan akan memusnahkan semua ahli keluarga Eli kerana Hofni dan Pinehas sangat jahat.



Peringatan Tuhan menjadi kenyataan.  
Semasa peperangan dengan orang-orang  
Filistin, dua orang anak Eli yang  
jahat memimpin dengan  
membawa Tabut Tuhan  
ke medan peperangan.







Musuh merampas Tabut Tuhan dan membunuh Hofni dan Pinehas bersama-sama dengan orang-orang Israel. Ketika Eli mendengar hal ini, dia jatuh dari tempat duduknya, lehernya patah dan dia mati pada hari yang sama dengan kematian anak-anaknya.




Tabut Tuhan membawa banyak kesulitan bagi orang Filistin. Mereka meletakkannya di kuil Dagon, dewa mereka. Keesokan paginya, patung Dagon jatuh dengan mukanya menghadap ke tanah.




Orang-orang Filistin mengangkat patung itu dan mengembalikannya pada tempatnya - tetapi keesokan harinya dia jatuh lagi. Kali ini Dagon jatuh dan terpecah - pecah.





Penyakit dan kematian  
tersebar Diantara  
orang-orang Filistin.  
Untuk melihat adakah  
benar Tuhan  
menghukum mereka,  
orang-orang Filistin  
mengambil dua  
lembu yang sedang  
menyusui anak dan belum  
pernah digunakan untuk  
menarik pedati.





Mereka meletakkan tabut Tuhan di atasnya. "Apabila lembu itu menuju ke Israel, dan meninggalkan anak-anak mereka, kita akan tahu Tuhan melakukan semuanya," mereka berkata. Dan lembu-lembu itu pun berangkat!





Sekarang Samuel,  
telah menjadi  
seorang lelaki  
dewasa, dia  
berbicara kepada  
semua orang Israel.





“Jika kamu berbalik kepada Tuhan dengan segenap hati, maka jauhkanlah ... maka Ia akan melepaskan kamu dari tangan orang Filistin.”





Orang Israel  
mentaati nabi Tuhan  
yang penuh iman.  
Dan tangan Tuhan  
melawan orang  
Filistin selama  
Samuel hidup.





# Samuel, Anak Tuhan - Pelayan

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

1 Samuel 1-7

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu  
memberi terang, memberi pengertian  
kepada orang-orang bodoh."

Mazmur 119:130



TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.



Jika anda percaya ini adalah benar,  
katakan ini kepada Allah:

Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi.

Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

